

**HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK**

**Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon Pemindahan Baki. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma dan syarat.**

**UOB Malaysia BERHAD****Penukaran Baki UOB****17 Julai 2023****1. Apakah Penukaran Baki UOB?**

Penukaran Baki UOB membolehkan pelanggan terpilih menukar baki kad kredit tertunggak mereka kepada pelan ansuran bulanan.

Penukaran Baki UOB tidak terpakai kepada transaksi tunai dan transaksi berasaskan tunai, bayaran di bawah program bank UOB yang lain seperti pelan Easi-Payment UOB (EPP), Pelan Flexi Credit UOB, Ansuran Pemindahan Baki UOB, fi tahunan, jumlah bayaran lewat bayar dan lain-lain caj yang dikenakan oleh UOB.

**2. Apakah yang saya boleh peroleh daripada produk ini?**

Anda akan dapat menguruskan perbelanjaan dengan menukar baki tertunggak pada penyata kad kredit bank UOB anda kepada ansuran bulanan yang berpatutan.

Selepas Penukaran Baki UOB diluluskan, anda akan dicajkan kadar faedah yang dipersetujui pada tarikh kelulusan bagi sepanjang tempoh bayaran tanpa mengira pindaan berikutnya ke atas kadar faedah Penukaran Baki UOB yang ditawarkan.

<b>Kadar faedah rata</b>	<b>Kadar faedah efektif (untuk tujuan perbandingan sahaja)</b>	<b>Tempoh</b>
Sehingga 9.60% setahun	Sehingga 17.47% setahun bergantung pada kadar faedah rata & tempoh dipohon	12, 24,36, 48 atau 60 bulan

Jumlah minimum yang anda boleh ambil ialah RM1,000 dan jumlah maksimum tertakluk kepada had kredit sedia ada anda mengikut budi bicara UOB.

Penukaran Baki UOB dikira menggunakan kadar faedah rata, yang bermaksud jumlah ansuran bulanan anda (dengan faedah) kekal tidak berubah sepanjang tempoh pembayaran balik. Faedah bulanan kekal tidak berubah dan akan dipaparkan dalam penyata bil bulanan anda.

Kadar faedah efektif hanya digunakan sebagai perbandingan. Ia tidak digunakan untuk mengira pelan ansuran anda. Kadar faedah efektif digunakan untuk mengira faedah ke atas baki tertunggak yang berkurangan setiap bulan. Faedah bulanan adalah tidak tetap, tetapi jumlah faedah sepanjang tempoh pembayaran balik adalah sama dengan jumlah yang menggunakan kadar faedah rata.

### 3. Apakah tanggungjawab bulanan saya?

Faedah Penukaran Baki UOB akan dikira mengikut kadar faedah rata yang dipersetujui berdasarkan kaedah pembayaran balik secara terus. Ansuran bulanan dikira seperti berikut: -

Jumlah pinjaman prinsipal (P)

Tempoh dalam Tahun (Y)

Tempoh dalam Bulan (M)

Kadar Faedah setahun (R)

$$P + \frac{(P \times R \times Y)}{M}$$

M

Jumlah ansuran bulanan Penukaran Baki UOB adalah tetap. Sebarang pembayaran awal atau lebihan tidak akan mengurangkan Prinsipal Tertunggak atau ansuran bulanan Penukaran Baki UOB yang berikutnya dan hanya akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan oleh pihak bank.

Anda tidak akan layak mendapat sebarang mata ganjaran dan/atau rebat tunai daripada Penukaran Baki UOB.

#### **Ilustrasi pengiraan bayaran balik bulanan:**

Pelanggan memilih amaun Penukaran Baki UOB sebanyak RM20,000 untuk tempoh 12 bulan dengan kadar faedah rata yang sepadan sebanyak 9.60% setahun pada 17<sup>hb</sup> Julai 2023. Di bawah pelan ansuran ini, ansuran bulanan Penukaran Baki UOB yang perlu dibayar selama 12 bulan ialah RM1,826.67 dan jumlah pembayaran balik pada akhir 12 bulan ialah RM21,920.00.

Ilustrasi ringkas mengenai potongan prinsipal bulanan serta faedah yang dikenakan adalah seperti berikut:

BULAN	Prinsipal Tertunggak	Potongan Prinsipal	Potongan Faedah	Ansuran Bulanan
1	20,000.00	1,666.67	160.00	1,826.67
2	18,333.33	1,666.67	160.00	1,826.67
3	16,666.67	1,666.67	160.00	1,826.67
4	15,000.00	1,666.67	160.00	1,826.67
5	13,333.33	1,666.67	160.00	1,826.67
6	11,666.67	1,666.67	160.00	1,826.67
7	10,000.00	1,666.67	160.00	1,826.67
8	8,333.33	1,666.67	160.00	1,826.67
9	6,666.67	1,666.67	160.00	1,826.67
10	5,000.00	1,666.67	160.00	1,826.67
11	3,333.33	1,666.67	160.00	1,826.67
12	1,666.67	1,666.67	160.00	1,826.67
Jumlah		20,000.00	1,920.00	21,920.00

**4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?**

Tiada caj atau fi dikenakan kecuali anda gagal memenuhi tanggungjawab pembayaran atau membuat penyelesaian awal sebelum tempoh matang. Sila lihat Nota 5 & 6 untuk maklumat lanjut.

**5. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi kewajipan pembayaran saya?**

Ansuran bulanan Penukaran Baki UOB merupakan sebahagian daripada Bayaran Minimum yang Perlu Dibayar oleh anda pada atau sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibuat. Ansuran bulanan Penukaran Baki UOB akan dibilkan ke akaun kad kredit setiap bulan, sama seperti transaksi runcit biasa dan tertakluk kepada Caj Kewangan biasa jika anda membayar atau telah membayar daripada baki tertunggak yang dipaparkan pada penyata bulanan semasa atau sebelumnya menjelang Tarikh Bayaran Perlu Dibuat.

Jika anda gagal membayar ansuran bulanan Penukaran Baki UOB anda sepenuhnya selama 4 bulan berturut-turut atau lebih, semua wang yang perlu dibayar dan terhutang di bawah Penukaran Baki UOB yang termasuk jumlah ansuran bulanan Penukaran Baki UOB tertunggak dan jumlah prinsipal yang belum dibilkan bagi Penukaran Baki UOB akan menjadi tertunggak dan perlu dibayar, yang mana kami berhak menuntut bayaran penuh daripada anda.

**6. Bagaimanakah jika saya menjelaskan sepenuhnya Ansuran Pindahan Baki sebelum tempoh matang?**

Tertakluk kepada kelulusan daripada UOB Malaysia, anda boleh pada bila-bila masa membatalkan Penukaran Baki UOB anda atau memilih untuk membuat penyelesaian awal bagi Jumlah Penukaran Baki UOB. Selepas pembatalan atau penamatan awal tersebut, anda dikehendaki membayar penalti penamatan awal **sehingga 5% daripada jumlah prinsipal yang tertunggak di bawah Penukaran Baki UOB** (pada tarikh penamatan atau pembatalan awal) serta jumlah prinsipal tertunggak di bawah Baki UOB Penukaran bagi penamatan atau pembatalan awal tersebut.

**7. Apakah risiko utama yang terlibat?**

- Sila rujuk kepada no. 5 bagi kegagalan memenuhi kewajipan pembayaran
- Jika anda menghadapi sebarang masalah membayar Penukaran Baki UOB, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan pilihan kaedah pembayaran balik yang lain.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran hubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Sila hubungi Pusat Panggilan di 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Penang), 07-2881 121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching), atau 088-477 121 (Kota Kinabalu).

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Penukaran Baki UOB, lawati laman utama UOB kami di <https://www.uob.com.my>

**ATAU**

Hubungi Pusat Panggilan UOB di 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881 121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching), atau 088-477 121 (Kota Kinabalu).

**10. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan penyelesaian?**

Hubungi Pusat Panggilan UOB di 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881 121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching), atau 088-477 121 (Kota Kinabalu).

<b>E-mel:</b>	<a href="mailto:uobcustomerservice@uob.com.my">mailto:uobcustomerservice@uob.com.my</a>
---------------	---

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk para individu.

Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan program POWER! Pengurusan Wang Ringgit Anda. Program ini menyediakan maklumat berguna untuk menggalakkan pengurusan wang yang berhemat dan disiplin kewangan. Untuk maklumat lanjut atau mendaftar untuk program ini, layari [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my) atau hubungi 03-2616 7766.

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

<b>Alamat:</b>	Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
<b>Tel:</b>	1-300-88-5465
<b>Faks:</b>	03-21741515
<b>E-mel:</b>	<a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a>

**NOTIS PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENUNAIKAN PEMBAYARAN BALIK BAKI YANG TERTUNGGAK DALAM PEMINDAHAN BAKI ANDA.**

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini sah sehingga 17 Julai 2023.